


Upacara Pembukaan Masjid Negara

“Komunis bukan sahaja hendak merosakkan masyarakat manusia tetapi hendak menghapuskan semua agama yang ada dalam dunia ini,” antara lain kata Tengku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia dalam upacara pembukaan Masjid Negara di Kuala Lumpur pada hari Jumaat 27.8.65 oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di hadapan puluhan ribu rakyat jelata dan wakil-wakil kerajaan asing

Gambar-gambar yang tertera di sini menunjukkan kiri: Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sedang memetik pesawat tanda merasmikan pembukaan masjid itu diperhatikan oleh Tengku dan Tun Abdul Razak. Kanan himpunan orang. Ramai berasak-asak. Gambar bawah kiri: kerusi yang dihadiahkan oleh kerajaan India berharga \$30,000. Tengah: Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu. Kanan: Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sedang menyampaikan titahnya – (gambar-gambar Dewan)



(Sambungan dari muka 6)

tentera India yang menduduki Kashmir itu.

Untuk memburukkan lawannya maka kerajaan India menyatakan perlawanan kebangsaan yang timbul di Kashmir itu adalah dibuat oleh orang-orang Pakistan yang masuk kedalam Kashmir tetapi pemerhati Bangsa-Bangsa Bersatu di sempadan berhenti tembak-menembak tidak mendapati tentera Pakistan masuk ke daerah Kashmir.

Sekarang suara Kashmir telah melaung di udara untuk menuntut perhatian dan bantuan umat Islam bukan sahaja telah menarik perhatian Pakistan tetapi juga oleh negeri-negeri Islam yang lain dan ini menimbulkan mujahid-mujahid dari luar Kashmir bergerak menjadi *volunteer* untuk berjihad melepaskan Kashmir daripada penindasan India. Inilah keadaan di Kashmir yang patuh menjadi perhatian seluruh umat Islam dan sudah tentu dengan adanya gerila-gerila yang menentang tentera India di dalam jihadnya membebaskan Kashmir itu maka sebagaimana kebiasaan yang dilakukan oleh kerajaan India “tak dapat pijat kelambu dibakar” yaitu mereka akan melakukan keganasan pula kepada orang-orang awam sebagaimana dilakukannya terhadap kepada orang-orang Islam kalau mengadakan perlawanan di daerah-daerah.

Mingguan *Mu'tamar* di Karachi mengadakan pertanyaan kepada Bangsa-Bangsa Bersatu yaitu adakah Bangsa-Bangsa Bersatu akan membenarkan dan membiarkan penyembelihan terhadap orang-orang Muslimin di Kashmir? Seterusnya majalah itu menyatakan bahawa pejuang-pejuang kebebasan orang Kashmir telah memulakan jihad mereka dengan hebatnya. Keadilan adalah kepada mereka. Dunia Islam dikehendaki memberi bantuan moral dan mengadakan sembahyang-sembahyang hajat supaya Allah menolong jihad mereka menegakkan hak-hak mereka yang telah ditindas delapan belas tahun lamanya oleh penjajahan India di Kashmir itu dan yakinlah bahawa

kalau orang Kashmir telah hilang kesabarannya dan telah menggunakan jihadnya *in shā Allāh bi haw la Allāh* mereka tidak berpaling mukanya sehingga Kashmir bebas daripada penjajahan Hindu.

Adalah terpulang kepada mereka orang-orang Kashmir menulis di dalam sejarahnya menuntut kemerdekaannya di dalam sejarah perjuangan membebaskan negaranya dengan darah-darah mujahid yang ditumpahkan di atas buminya melepaskan penindasan-penindasan penjajahan Hindu di tanah air Islam Kashmir yang permai dan indah itu.

Sekalian kaum muslimin yang sedar dan insaf dan yang membaca riwayat perjuangan Kashmir adalah diharap seluruhnya membaca *al-Fātiḥah* dan mendengarkan kemenangan ke atas mereka itu di dalam jihadnya mendirikan syiar Islam di Kashmir dan jika berupaya hendaklah umat Islam sembahyang hajat munajat kepada Allah semoga dihancurkan Tuhan musuh-musuh Islam yang menindas umat Islam terutama di Kashmir itu hancur lebur menjadi abu semoga Allah menolong kepada mereka – Amin.

Percaya Kepada Diri Sendiri

Pujangga Emerson berkata: “Saatnya akan tiba bagi setiap pengalaman hidup manusia, bahawa ia akan menyedari, bahawa iri hati itu adalah kebodohan, sedang meniru-niru dan melakukan sesuatu dengan dibuat-buat itu adalah membunuh bakat diri sendiri. Sepatutnya dia mesti bersyukur atas segala sesuatu yang dimilikinya. Dia mesti menyedari, bahawa meskipun bumi ini kaya dan subur tak akan padi tumbuh tanpa benih, di atas tanah yang tidak pula diolah oleh tangan sendiri. Tenaga yang tersembunyi dalam diri sendiri, itulah dia keperibadiannya – dan baginya tetap tersembunyi, selama ia tak ingin menggalnya.